



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

IMPAK PENGGUNAAN PERANTI MUDAH ALIH TERHADAP TINGKAH LAKU SEDENTARI DALAM KALANGAN KANAK-KANAK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NORFAIZATULAKMA BINTI JOHARI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



pt'

IMPAK PENGGUNAAN PERANTI MUDAH ALIH TERHADAP TINGKAH LAKU SEDENTARI DALAM KALANGAN KANAK-KANAK

NORFAIZATULAKMA BINTI JOHARI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT UNTUK IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila Taipkan (✓):

Kertas Projek
 Sarjana Penyelidikan
 Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Kursus
 Doktor Falsafah


<input checked="" type="checkbox"/>

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 20 (hari bulan) 11 (bulan) 20 20.


i. Perakuan pelajar :

Saya, NORFAIZATULAKMA BINTI JOHARI, M20161000307, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk IMPAK PENGGUNAAN PERANTI MUDAH ALIH TERHADAP TINGKAH LAKU SEDENTARI KANAK-KANAK adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



 Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR IYLIA DAYANA BINTI SHAMSUDIN dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk IMPAK PENGGUNAAN PERANTI MUDAH ALIH TERHADAP TINGKAH LAKU SEDENTARI KANAK-KANAK dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK).



Tarikh



Tandatangan Penyelia





SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY
INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN
"[TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK]"
DECLARATION OF "[THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM]"

Tajuk / Title:

IMPAK PENGGUNAAN PERANTI MUDAH ALIH TERHADAP TINGKAH LAKU SEDENTARI DALAM KALANGAN KANAK-KANAK

No. Matrik / Matic's No.:

M20161000307

Saya / I:

NORFAIZATULAKMA BINTI JOHARI

mengaku membenarkan [Tesis/Disertasi/Laporan-Kertas-Projek] (Doktor-Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that my [Thesis/Dissertation/Project-Paper] is kept at Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) and reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library is not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 20/11/2020

ILIA DAYANA BINTI SHAMSUDIN
(PhD Occupational Therapy), Msc, BOT (Hons)
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian Awal Kanak-Kanak
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Segala puji hanya pada Allah. Dengan izin dan kurniaNya penulisan ini berjaya disiapkan.

Dalam usaha mencapai segulung sarjana selama empat tahun ini bukanlah satu perkara yang mudah. Banyak perkara yang saya pelajari sepanjang saya menjadi pelajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris ini. Tugasan mengumpul data kajian, menganalisis data serta menyiapkan disertasi ini tidak akan berhasil tanpa bantuan dan tunjuk ajar daripada penyelia saya. Saya sangat-sangat berterima kasih. Para pensyarah Fakulti Pembangunan Manusia (FPM) yang telah memberikan ilmu dan tunjuk ajar sepanjang tempoh saya belajar disini saya dahului ucapan ribuan terima kasih.

Para ibu bapa dan guru prasekolah yang sudi membantu saya dalam menyelesaikan kajian ini. Saya sangat berterima kasih atas segala kerjasama yang diberikan. Terima kasih kepada Dr Loy Chee Luen dan Dr Azizah Binti Zain yang sudi menjadi penilai untuk kesahan pakar instrumen untuk kajian saya.

Seterusnya buat keluarga tercinta, terima kasih memberi peluang dan sokongan untuk meneruskan pengajian hingga ke peringkat ini. Kepada ayahanda dan ibunda iaitu Hj Johari Bin Rasikan dan Hajah Maimunah Binti Ismail, terima kasih untuk segalanya. Terima kasih kakak sulungku iaitu Hajah Hamimah Binti Johari kerana sentiasa disisi dan memahami situasi adikmu ini. Ahli keluarga yang sama-sama mendoakan kejayaan saya. Saya ucapkan terima kasih yang tidak terhingga. Semoga Allah membalaunya.

Selain itu, rakan seperjuangan di universiti ini yang banyak membantu saya dalam hal ehwal pelajaran iaitu Haiza, Ilham, Abby, Aini dan Huda saya berterima kasih terhadap segala tunjuk ajar yang diberikan. Tidak ketinggalan sahabat-sahabat sejati di luar universiti iaitu Ezana, Rima, Jane dan Amira yang tidak putus-putus memberikan dorongan dan sokongan kepada saya untuk meneruskan pengajian ini sehingga akhir. Segala kebaikan dan keprihatinan kalian kepada saya akan saya kenang sampai bila-bila. Semoga Allah merahmati kita semua. Amin.

Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji impak penggunaan peranti mudah alih dalam meningkatkan tingkah laku sedentari dari aspek faktor, risiko dan kekerapan penggunaan dalam kalangan kanak-kanak. Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif dan menggunakan teknik temu bual bagi mendapatkan maklumat. Pemilihan subjek kajian menggunakan persampelan bertujuan melibatkan 10 orang ibu bapa daerah Muallim, Perak. Hasil kajian menunjukkan bahawa ibu bapa mendefinisikan peranti mudah alih sebagai satu bentuk hiburan yang berteknologi dan memberikan keseronokkan kepada kanak-kanak. Penggunaan peranti mudah alih ini memberikan kesan dan menjelaskan perkembangan tingkah laku kanak-kanak. Kajian ini mendapati bahawa ibu bapa memahami ciri-ciri kanak-kanak yang bertingkah laku sedentari. Kekangan masa yang berpunca daripada ibu bapa yang membenarkan kanak-kanak menggunakan peranti mudah alih adalah faktor yang menghalang proses perkembangan kanak-kanak daripada berlaku. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penggunaan peranti mudah alih memberi kesan terhadap tingkah laku iaitu wujud tingkah laku sedentari dalam kalangan kanak-kanak. Namun, tingkah laku sedentari tersebut tidak menjelaskan hubungan baik secara individu antara ibu bapa dan kanak-kanak. Tempoh masa penggunaan peranti mudah alih juga menjelaskan tingkah laku kanak-kanak akibat penggunaan yang berlebihan. Secara kesimpulannya, penggunaan peranti mudah alih memberi implikasi kepada tingkah laku sedentari kanak-kanak secara langsung dan tidak langsung.





IMPACT OF USAGE OF MOBILE DEVICES TOWARDS CHILDREN SEDENTARY BEHAVIOUR

ABSTRACT

This study aimed to examine the impact of the use of mobile devices in increasing sedentary behavior in terms of factors, risks and frequency of use among children. This study is a qualitative study and used interview techniques to obtain information. The selection of study subjects using purposive sampling involved 10 parents of Muallim district, Perak. The results showed that parents define mobile devices as a form of technological entertainment and provided fun for children. The use of these mobile devices has an impact and affected the development of children's behavior. This study found that parents understand the characteristics of children who behave sedentarily. Time constraints caused by parents allowing children to use mobile devices are factor that hinders children's developmental process from occurring. The findings also showed that the use of mobile devices affects the behavior that is the existence of sedentary behavior among children. However, such sedentary behavior does not affect good individual relationships between parents and children. The duration of use of mobile devices also affected children's behavior due to overuse. In conclusion, the use of mobile devices has implications for children's direct and indirect sedentary behavior.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
---	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----

SENARAI JADUAL	xii
-----------------------	-----

SENARAI RAJAH	xiii
----------------------	------

SENARAI SINGKATAN	xiv
--------------------------	-----

SENARAI LAMPIRAN	xv
-------------------------	----



BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Tujuan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Soalan Kajian	10
1.7 Kerangka Konseptual	10
1.8 Kepentingan Kajian	11
1.9 Batasan Kajian	12
1.10 Definisi Operasional	13



**Muka Surat**

1.10.1 Peranti Mudah Alih	13
1.10.2 Penggunaan Peranti Mudah Alih	13
1.10.3 Tingkah Laku Sedentari	14
1.10.4 Kanak-Kanak	16
1.10.5 Ibu Bapa	16
1.11 Kesimpulan	17

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	18
2.2 Teori Behaviorisme	19
2.3 Kerangka Teoritikal Kajian	21
2.4 Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Penggunaan Peranti Mudah Alih	
2.4.1 Kajian-Kajian Lepas Tingkah Laku Sedentari	25
2.4.2 Kajian-Kajian Lepas Kaitan Penggunaan Peranti Mudah Alih dengan Tingkah Laku Sedentari	31
2.4.3 Kajian-Kajian Lepas Kesan Penggunaan Peranti Mudah Alih terhadap Tingkah Laku Kanak-Kanak	33
2.4.4 Tempoh Masa Penggunaan Peranti Mudah Alih	40
2.7 Kesimpulan	43

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	44
3.2 Reka Bentuk Kajian	45
3.3 Sampel Kajian dan Lokasi	46



**Muka Surat**

3.4 Persampelan Bertujuan	49
3.5 Temu Bual	50
3.5.1 Pembinaan Soalan Temu Bual	51
3.5.2 Protokol Temu Bual Saringan (Guru Prasekolah)	52
3.5.3 Protokol Temu Bual Ibu Bapa	54
3.6 Prosedur Pengumpulan Data	56
3.6.1 Temu bual	57
3.7 Kaedah Menganalisis Data	58
3.7.1 Analisis Data Temu Bual	58
3.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan	60
3.8.1 Kesahan	60
3.8.2 Kebolehpercayaan	61
3.9 Isu-Isu Etika	62
3.10 Kajian Rintis	62
3.11 Kesimpulan	63

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	64
4.2 Data-Data Demografi	65
4.2.1 Latar Belakang Ibu Bapa	66
4.3 Dapatan Kajian	68
4.3.1 Kefahaman ibu bapa Tentang Penggunaan Peranti Mudah Alih Kepada Kanak-Kanak	69
4.3.2 Persepsi Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Sedentari Kepada Kanak-Kanak	72



**Muka Surat**

4.3.3 Aktiviti Fizikal Kanak-Kanak	74
4.3.4 Pendedahan Kepada Peranti Mudah Alih	77
4.3.5 Faktor Pendorong Membenarkan Kanak-Kanak Menggunakan Peranti Mudah Alih	79
4.3.6 Kesan Penggunaan Peranti Mudah Alih Kepada Kanak-Kanak	81
4.3.7 Kewujudan Tingkah Laku Sedorari Dalam Kalangan Kanak-Kanak	84
4.3.8 Kekerapan Penggunaan Peranti Mudah Alih	86
4.3.9 Langkah Kawalan Penggunaan Peranti Mudah Alih Dalam Kalangan Kanak-Kanak	88
4.4 Kesimpulan	90

**BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**

5.1 Pengenalan	92
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	93
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	93
5.3.1 Persepsi Ibu Bapa Tentang Penggunaan Peranti Mudah Alih Dalam Kalangan Kanak-Kanak	94
5.3.2 Persepsi Ibu Bapa Tentang Tingkah Laku Sedorari Kanak-Kanak	96
5.3.3 Pandangan Ibu Bapa Tentang Kaitan Penggunaan Peranti Mudah Alih Dengan Tingkah Laku Sedorari Kanak-Kanak	98
5.4 Tempoh Masa Penggunaan Peranti Mudah Alih Mempengaruhi Tingkah Laku Sedorari Kanak-Kanak	99
5.5 Rumusan	101



**Muka Surat**

5.6 Implikasi Kajian	102
5.6.1 Pengenalan	102
5.6.2 Implikasi Kajian Kepada Ibu Bapa	102
5.6.3 Implikasi Terhadap Kanak-Kanak	104
5.7 Cadangan	105
5.7.1 Cadangan memperkasa pengetahuan ibu bapa	105
5.7.2 Cadangan kajian lanjutan pada masa akan datang	105
5.6 Kesimpulan	106
RUJUKAN	108
LAMPIRAN	





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Kaedah Pengumpulan Data Kajian	46
3.2 Profil Responden Berdasarkan Umur, Bilangan Anak dan Pekerjaan	48
3.3 Kriteria Pemilihan Responden Kajian	49
3.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan	61





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Penggunaan Peranti Mudah Alih terhadap Tingkah Laku Sedentari Kanak-Kanak.	11
1.2 Hill, Gardiner, Cavalheri, Jenkins dan Healy (2015)	15
2.1 Kerangka Teoritikal Kajian	21
3.1 Proses Menganalisis Data	59





SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
MET's	<i>Metabolisme</i>
NCDRC	<i>National Children Development Centre</i>
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
WHO	<i>World Health Organization</i>





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XV

SENARAI LAMPIRAN

- A Soalan Temu Bual Sebelum Kajian Rintis
- B Pelantikan Sebagai Pakar Penilai
- C Kesahan Pakar Penilai



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN



Perkembangan dunia masa kini yang pesat dengan kemajuan teknologi tanpa sempadan telah menjadi satu keperluan bagi seseorang individu memiliki teknologi berkenaan. Pembangunan teknologi peranti mudah alih seperti telefon bimbit dan tablet semakin mendapat tempat didalam masyarakat tanpa mengira status atau umur seseorang individu. Dengan pelayaran internet yang semakin senang dan cepat telah memberikan pelbagai kemudahan kepada pengguna. Menurut Statistik Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2018) kadar jumlah langganan peranti mudah alih meningkat daripada 131.2% pada tahun 2017 kepada 132.9% pada tahun 2018. Kemajuan teknologi yang menuju ke arah globalisasi ini semakin berkembang dengan memungkinkan informasi menyebar dengan mudah serta mempengaruhi corak gaya hidup masyarakat (Sohana Abdual Hamid, 2016).





Peranti mudah alih seperti telefon bimbit mempunyai pelbagai kegunaan yang boleh diakses dalam satu-satu masa. Kemudahan yang pelbagai ini secara tidak langsung menarik minat kanak-kanak untuk turut serta sebagai pengguna dan ini menyebabkan berlaku ketagihan kepada penggunaannya. Kebanyakan kanak-kanak menggunakan beberapa jenis peranti mudah alih iaitu telefon pintar dan tablet setiap hari (Aznan Omar, 2017). Kanak-kanak prasekolah yang menggunakan peranti mudah alih cenderung menggunakan secara berlebihan di dalam amalan kehidupan mereka dan ini akan menyebabkan berlakunya tingkah laku sedentari (Naquiah Nahar, Sahrurizam Sangi, Nurhidayu Rosli & Abdul Hafiz Abdullah, 2017).

1.2 Latar Belakang Kajian



Umum mengetahui bahawa kanak-kanak adalah individu yang sangat cepat dalam menerima perkara baru dan boleh mengamalkan mengikut keperluan mereka. Dengan kemajuan teknologi terkini seperti penggunaan telefon pintar dalam kehidupan secara tidak langsung telah menjadi satu rutin dalam kehidupan seorang kanak-kanak. Perkara ini dalam tidak sedar mampu memberi implikasi kepada kanak-kanak. Perkembangan kanak-kanak terdahulu sangat berbeza dengan kehidupan kanak-kanak hari ini. Kanak-kanak hari ini dunia mereka tidak membolehkan mereka untuk keluar bergaul bebas dengan rakan-rakan atas faktor keselamatan terutama bagi yang tinggal di taman perumahan. Jadi antara perkara yang menjadi rutin bagi kanak-kanak ini adalah menggunakan telefon pintar ketika berada di rumah.





Peranti mudah alih seperti telefon pintar tidak dinafikan teknologi mudah alih yang memiliki ciri-ciri penting dalam kehidupan berkeluarga dalam banyak isi rumah (Aznan Omar, 2017). Salmah Omar dan Malisah Latip (2015) menyatakan telefon pintar adalah telefon yang memiliki sistem operasi yang meluas, di mana pengguna bebas menambah aplikasi, menambah fungsi-fungsi atau mengubah perisian bersesuaian mengikut pengguna.

Rangkaian Penyelidikan Tingkah Laku Sedentari (*Sedentary Behaviour Research Network*) (2012) menyatakan tingkah laku sedentari adalah setiap tingkah laku yang tersusun dengan penggunaan tenaga < 1.5 METs (*metabolisme*) semasa duduk dan berbaring. Menurut Tremblay et al. (2017) tingkah laku sedentari ialah tingkah laku tidak aktif yang berlebihan dan memberi hasil kesihatan yang buruk iaitu melalui aktiviti penggunaan peranti mudah alih yang berlebihan menyebabkan kanak-kanak hanya duduk dan berbaring dalam masa yang lama. Tingkah laku ini menyebabkan tidak berlaku perkembangan fizikal yang aktif bagi seorang kanak-kanak.

Menurut Yee, Chua, Shazia Iqbal Hashmi, Teh dan Ruvina Indran (2016) menyatakan generasi muda menggunakan peranti mudah alih lebih daripada kebiasaan dan secara keseluruhannya, kanak-kanak mengakses peranti mudah alih dengan penggunaan tenaga yang kurang iaitu duduk dan berbaring yang diklasifikasikan sebagai tingkah laku sedentari. Menurut Biddle (2011), tingkah laku sedentari merujuk kepada satu keadaan yang duduk dan baring yang keterlaluan serta menghabiskan masa dengan tidak membuat sebarang aktiviti fizikal yang aktif.



Kanak-kanak adalah satu golongan yang sangat mudah dimonopoli dan dipengaruhi jika aktiviti mereka tiada pemantauan daripada ibu bapa. Kenyataan ini disokong oleh Naquiah Nahar et al. (2018) menyatakan kanak-kanak lebih cenderung untuk menjadi seorang yang tidak produktif atau digelar ‘couch potato’ yang bermaksud sangat selesa duduk dan baring berjam-jam lamanya menggunakan peranti mudah alih.

Sedar akan pembangunan aset negara ini maka kerajaan telah melaksanakan dasar pendidikan prasekolah bagi menyediakan kemudahan pendidikan prasekolah kepada kanak-kanak prasekolah yang berumur 4 hingga 6 tahun. Kurikulum standard juga telah diselaraskan iaitu mengikut Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Kerajaan juga memainkan peranan dalam memastikan semua institusi pendidikan prasekolah mematuhi peraturan-peraturan Pendidikan Prasekolah 1996 seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 24, Akta Pendidikan 1996. Menurut Mohd Nazri Abdul Rahman dan Wan Nurul Baizura Wan Mohamad Noor (2018) menyatakan bahawa pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) semakan 2017 adalah sejajar dengan usaha untuk mutu pendidikan awal kanak-kanak prasekolah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

“Pelan pembangunan pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menyarankan KSPK yang dilaksanakan pada tahun 2010 disemak semula dengan memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis, kreatif dan inovatif, penyelesaian masalah, dan kepimpinan untuk membolehkan murid bersaing di peringkat global.” (Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 7/2016: 1).



Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) semakan 2017 telah memasukkan kemahiran abad ke-21 dalam pembelajaran kanak-kanak di prasekolah. Ini merupakan hasrat KSPK untuk melahirkan kanak-kanak prasekolah yang mempunyai kemahiran abad-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Antaranya ialah mahir berkomunikasi iaitu kanak-kanak prasekolah mampu menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi. Di samping mempunyai daya tahan yang tinggi iaitu mampu menghadapi kesukaran, bijak membuat keputusan, berkeyakinan, toleransi dan empati. Ini menunjukkan teknologi boleh digunakan dalam pembelajaran namun tidak secara berlebihan.



pelbagai aktiviti yang melibatkan murid untuk bergiat secara aktif (Abdul Hadi Mat Dawi, Lee, Mohan & Jamilah Dolah, 2016). Ini menunjukkan bahawa pelbagai pendekatan menggunakan bahan-bahan teknologi seperti komputer dan telefon pintar telah diambil bagi memastikan kanak-kanak prasekolah terlibat dengan aktiviti fizikal di samping mewujudkan kesedaran tentang teknologi. Namun Wan Anita Wan Abas dan Azizah Hamzah (2013) menyatakan penggunaan peranti mudah alih yang berlebihan lebih mendominasi dalam kehidupan kanak-kanak prasekolah berbanding bermain di luar rumah.





1.3 Pernyataan Masalah

Penularan pengaruh teknologi dalam masyarakat serta penggunaan telefon pintar yang meluas telah menyebabkan berlaku pertukaran rutin dalam kehidupan kanak-kanak. Antara individu yang terjejas dengan rutin yang baru ini adalah kanak-kanak. Keadaan ibu bapa yang memberikan kanak-kanak menggunakan telefon pintar adalah punca kepada segala-galanya.

Menurut Yee et al. (2016) menyatakan kanak-kanak yang bermain menggunakan peranti mudah alih yang berlebihan akan duduk atau berbaring dalam tempoh yang lama dan menyebabkan berlaku kesejahteraan hidup yang kurang baik dan menurunkan pencapaian akademik. Pernyataan ini disokong oleh Naquiah Nahar et al. (2018) yang menyatakan perkembangan kanak-kanak dipengaruhi oleh sumber teknologi yang terdapat dalam kehidupan dan seterusnya memberi impak kepada sebuah institusi kekeluargaan.

Menurut Bentley, Turner dan Jago (2016) kanak-kanak prasekolah sememangnya akan terdedah dengan tontonan skrin antaranya melalui televisyen dan komputer namun, peningkatan terhadap pendedahan ini adalah melalui penggunaan telefon pintar yang berlebihan. Artikel tersebut menjelaskan bahawa perkembangan kanak-kanak menjadi terbantut kerana masa tidur menjadi pendek, pemakanan yang tidak sihat dan pembangunan kemahiran akademik yang kurang baik akibat penggunaan peranti mudah alih yang berlebihan.





Mildayani Suhana (2017) menyatakan penggunaan peranti mudah alih menyebabkan kanak-kanak memencarkan diri daripada kehidupan sosial dan kurang bergaul. Menurutnya lagi, kanak-kanak berubah menjadi introvert dan tidak sabar, menyebabkan berlaku masalah interpersonal dan kekurangan kemahiran komunikasi dalam kalangan kanak-kanak.

Kanak-kanak kini sudah terbiasa dengan budaya kebergantungan dengan telefon pintar yang menyebabkan kanak-kanak kurang terdedah kepada aktiviti luar (Noorshahira Mohd Fadzil, Mohd Yusof Abdullah & Mohd Azul Mohamad Salleh, 2016); Davydova, 2017). Wan Anita Wan Abas dan Azizah Hamzah (2013) menyatakan peranti mudah alih yang berlebihan telah menjadi satu alat yang digunakan oleh para ibu bapa untuk mengekalkan kawalan terhadap kanak-kanak.



Menurut Davydova (2017) penggunaan peranti mudah alih mempunyai pengaruh yang besar terhadap semua kumpulan umur. Kebergantungan peranti mudah alih terutamanya terhadap kanak-kanak prasekolah banyak dipengaruhi oleh peranti moden seperti menonton kartun dan bermain permainan video. Manakala Downing, Hnatiuk, Hinkley, Salmon dan Hesketh (2017) menyatakan kanak-kanak prasekolah menghabiskan masa sehingga 12 jam sehari dalam masa yang tidak menentu demi memenuhi masa untuk menggunakan peranti mudah alih.

Kebimbangan terhadap trend kesihatan terhadap aktiviti fizikal dalam kehidupan kanak-kanak, tingkah laku sedentari, tidur, obesiti telah mendapat perhatian dan perlu diberi keutamaan bagi mengubah keadaan berkenaan (Canadian Ministers of Health/Healthy Living and Sport, Physical Activity and Recreation, 2016; Carson,





Tremblay, Chaput & Chastin, 2016; Chaput et al., 2016; Gotay et al., 2013; Ng et al., 2014; Owens, 2014; ParticipACTION, 2016; Poitras et al, 2016; Tremblay et al., 2016).

Menurut Wan Anita Wan Abas dan Azizah Hamzah (2013) masalah fizikal kanak-kanak prasekolah yang sering mendapat perhatian umum dan pakar kesihatan ialah berat badan berlebihan atau obesiti yang seterusnya boleh menyumbang kepada punca masalah kesihatan lain seperti risiko penyakit jantung, kencing manis, ketidakstabilan tekanan darah dan hipertensi. Kajian tersebut menyatakan bahawa berlaku penurunan kadar metabolisme semasa aktiviti menggunakan telefon pintar seterusnya mengantikan aktiviti fizikal kanak-kanak.

Ketagihan terhadap peranti mudah alih yang berlebihan bagi kanak-kanak prasekolah adalah satu isu yang tidak dapat dinafikan. Oleh itu, persepsi daripada ibu bapa dalam mendapatkan maklumat yang terperinci berkenaan penggunaan peranti mudah alih terhadap tingkah laku sedentari kanak-kanak sangat diperlukan. Persepsi ibu bapa ini seterusnya dapat membantu dalam menangani permasalahan penggunaan peranti mudah alih dalam kalangan kanak-kanak prasekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.





1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan melihat penggunaan peranti mudah alih yang berfokus kepada tingkah laku sedentari iaitu tingkah laku tidak aktif yang melibatkan kanak-kanak prasekolah. Kajian ini adalah untuk melihat penggunaan peranti mudah alih yang memberi kesan dalam meningkatkan tingkah laku sedentari dalam kalangan kanak-kanak.

1.5 Objektif Kajian

Secara khususnya kajian ini dilakukan bagi memenuhi objektif-objektif kajian seperti



- 1) Meneroka persepsi ibu bapa tentang penggunaan peranti mudah alih dalam kalangan kanak-kanak.
- 2) Mengkaji persepsi ibu bapa tentang tingkah laku sedentari kanak-kanak.
- 3) Mengetahui pandangan ibu bapa tentang kaitan penggunaan peranti mudah alih dengan tingkah laku sedentari kanak-kanak.
- 4) Mengenalpasti sejauh mana tempoh masa penggunaan peranti mudah alih mempengaruhi tingkah laku sedentari kanak-kanak.





1.6 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, terdapat empat persoalan kajian iaitu:


- 1) Apakah persepsi ibu bapa tentang penggunaan peranti mudah alih dalam kalangan kanak-kanak?
- 2) Apakah persepsi ibu bapa tentang tingkah laku sedentari kanak-kanak?
- 3) Bagaimanakah pandangan ibu bapa tentang kaitan penggunaan peranti mudah alih dengan tingkah laku sedentari kanak-kanak?
- 4) Sejauh manakah tempoh masa penggunaan peranti mudah alih mempengaruhi tingkah laku sedentari kanak-kanak?



1.7 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual yang digunakan merangkumi aspek kajian iaitu penggunaan peranti mudah alih terhadap tingkah laku sedentari kanak-kanak. Kerangka konseptual dibina sebagai panduan dalam kajian ini.





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Penggunaan Peranti Mudah Alih terhadap Tingkah Laku Sedentari Kanak-Kanak.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilihat boleh menjadi satu keperluan semasa dalam menghadapi penggunaan peranti mudah alih yang berfokuskan kepada tingkah laku sedentari kanak-kanak. Berdasarkan isu-isu semasa tentang penggunaan peranti mudah alih dalam kalangan kanak-kanak telah memberikan impak kepada perkembangan mereka. Justeru, kajian ini adalah penting untuk dijalankan di Malaysia bagi membantu sebagai pencegahan awal kepada masyarakat.

Penyelidikan penggunaan peranti mudah alih perlu diteruskan untuk mendapat lebih banyak data dan maklumat yang konsisten tentang penggunaannya. Kekurangan maklumat berkenaan penyelidikan ini di Malaysia dapat diatasi dengan pelaksanaan lebih banyak penyelidikan tentang penggunaan peranti mudah alih yang boleh dikaitkan dengan perkembangan kanak-kanak. Kajian berkenaan isu ini masih di peringkat awal di Malaysia, kajian ini diharap boleh dijadikan sebagai perintis dalam meneruskan penyelidikan mengenai penggunaan peranti mudah alih dan tingkah laku sedentari.

1.9 Batasan Kajian

Fokus kajian ini adalah terbatas kepada kanak-kanak prasekolah sahaja. Oleh itu,

respondan dipilih daripada kalangan ibubapa kanak-kanak yang dikatakan bertingkah laku sedentari oleh guru. Tingkah laku sedentari ini merupakan satu unit asas dalam perkembangan kanak-kanak. Ibubapa yang dipilih adalah yang memiliki anak berumur empat hingga dan enam tahun yang belajar di prasekolah. Sampel juga terdiri daripada yang berkerja dan suri rumah tangga.

Manakala daripada sudut lokasi dan jenis sekolah pula, kajian ini terbatas kepada sekolah yang mempunyai prasekolah yang berada di sekitar Tanjung Malim. Lima buah prasekolah telah dipilih dalam kajian ini bagi mencukupkan dapatan kajian. Pembatasan perlu dilakukan berdasarkan kekangan dan had waktu yang dihadapi oleh penyelidik.



1.10 Definisi Operasional

Topik ini akan mengemukakan beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Definisi ini membantu penyelidik dalam memahami setiap istilah yang dibincangkan dan mengelak daripada menyalahi apa yang sepatutnya dipegang semasa menjalankan kajian ini.

1.10.1 Peranti Mudah Alih

Peranti mudah alih ini sememangnya memberi pengaruh yang sangat besar terhadap kanak-kanak (Salmah Omar & Malisah Latip, 2015). Menurut Widiawati, Sugiman dan Edy (2014) peranti mudah alih adalah peralatan canggih yang dicipta dengan pelbagai aplikasi yang boleh membentangkan pelbagai media berita, rangkaian sosial, hobi malah hiburan.

1.10.2 Penggunaan Peranti Mudah Alih

Penggunaan peranti mudah alih sememangnya tidak asing lagi dalam kalangan kanak-kanak. Konteks kajian ini peranti mudah alih adalah merujuk kepada telefon pintar dan tablet. Manakala penggunaan yang dimaksudkan adalah tempoh masa yang digunakan oleh kanak-kanak semasa menggunakan telefon pintar dan bukan penggunaan untuk akademik. Penggunaan peranti mudah alih dalam kalangan kanak-kanak telah





mewujudkan satu budaya dalam rutin harian mereka dengan bermain *games* dan menonton video.

Alatraqchi et al. (2014) menyatakan separuh daripada kanak-kanak prasekolah meluangkan masa lapang mereka dengan menggunakan peranti mudah alih walaupun mereka melaporkan berminat dalam sukan. Manakala Noorshahira Mohd Fadzil et al. (2016) menyatakan lebih daripada separuh responden iaitu 53% mengakui ibu bapa tidak meletakkan syarat atau had masa penggunaan peranti mudah alih di rumah.


1.10.3 Tingkah Laku Sedentari



Menurut Fenton, Veldhuijzen van Zanten, Duda, Metsios dan Kitas (2018) tingkah laku sedentari adalah merujuk ketiadaan aktiviti fizikal yang bertujuan dan ditakrifkan sebagai aktiviti fizikal sederhana.

Tremblay et al. (2017) menjelaskan tingkah laku sedentari ialah tingkah laku tidak aktif yang berlebihan dan memberi hasil kesihatan yang buruk iaitu melalui penggunaan peranti mudah alih yang berlebihan, duduk dan berbaring.





Rajah 1.2. Hill, Gardiner, Cavalheri, Jenkins dan Healy (2015)

Berdasarkan rajah yang di atas, perkembangan tingkah laku mempunyai beberapa tahap iaitu aktiviti fizikal yang kuat (*vigorous physical activity*), aktiviti fizikal yang sederhana (*moderate physical activity*), aktiviti fizikal ringan (*light physical activity*) dan tingkah laku sedentari (*sedentary behaviour*). Nombor yang dinyatakan dalam rajah adalah skala metabolisme penggunaan tenaga seseorang individu.

Rangkaian Penyelidikan Tingkah Laku Sedentari (Sedentary Behaviour Research Network, 2012) menyatakan tingkah laku sedentari adalah setiap tingkah laku yang tersusun dengan penggunaan tenaga < 1.5 METs (metabolisme) semasa duduk dan berbaring.



1.10.4 Kanak-Kanak

Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (1995) dan Akta Kanak-Kanak (2001) menyatakan kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun. Dasar Kanak-Kanak ini menjelaskan kanak-kanak merupakan sebahagian daripada masyarakat yang amat penting, yang menjadi aset negara dan penyambung nadi pembangunan negara pada masa hadapan. Dalam konteks kajian ini, kanak-kanak adalah individu yang berumur empat hingga enam tahun yang bersekolah di prasekolah di Perak.

1.10.5 Ibu Bapa



Ibubapa adalah golongan yang memiliki jawatan yang besar dalam sebuah institusi kekeluargaan. Rusnani Abdul Kadir (2000) menyatakan segala-galanya bertitik-tolak daripada amanah, tugas, peranan dan tanggungjawab yang mesti dipikul oleh setiap ibu bapa. Dalam kajian ini, ibu bapa yang dipilih adalah daripada golongan yang bekerja dan suri rumah tangga di Perak. Ibu bapa juga memiliki anak berumur empat hingga enam tahun yang belajar di prasekolah di Perak.





1.11 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, isu tentang penggunaan peranti mudah alih dalam kalangan kanak-kanak sudah menjadi topik perbincangan dimana-mana institusi pendidikan kerana telah menimbulkan pelbagai isu tentang perkembangan kanak-kanak. Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi keadaan ini. Oleh itu, usaha perlu dilaksanakan bagi membendung permasalahan ini daripada terus berleluasa dan mengganggu perkembangan kanak-kanak secara amnya.

